

# INCEIF: CETUS IDEA KOLOBRASI BERSAMA PROGRAM KEWANGAN & PERBANKAN (HE 06)

**B**aru-baru ini tetamu dari International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), Prof. Datuk Dr. Syed Othman Al-Habshi, Dekan Fakulti Takaful telah mengadakan kunjungan ke sekolah Perniagaan & Ekonomi bagi membincangkan potensi bagi mengadakan kerjasama dua hala. Perbincangan yang diadakan antara kedua-dua belah pihak mencakupi pelbagai aspek antaranya

kemungkinan mengadakan program secara bersama. Antaranya mengadakan kolaborasi penyelidikan antara UMS dan INCEIF, menawarkan tempat bagi mengikuti pengajian diperingkat Phd dalam bidang kewangan Islam dan Sarjana dalam Kewangan Islam. Ia juga merancang untuk menjadikan UMS sebagai 'feeder' kepada INCEIF bagi program-program yang ditawarkan. Di akhir kunjungan tetamu

turut dirai dalam satu jamuan makan tengahari yang diadakan di Atmosphere Restaurant Kota Kinabalu yang turut disertai oleh Dekan SPE, Prof. Madya Hj. Kasim Hj. Md. Mansur, Timbalan Dekan (PPI) Prof. Madya Dr. Remali Yusof, Timbalan Dekan (HEP & Akademik) Pg. Dr. Hassanal Bahar Pg. Bagul, Ketua Program Kewangan & Perbankan, Pn. Zaiton Osman serta beberapa pensyarah terlibat.